

12/12/1998

Mahathir kunjungi Mkapa

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini mengunjungi Presiden Tanzania, Benjamin William Mkapa dan isterinya, Anna Mkapa di Carcosa Seri Negara, di sini.

Dr Mahathir dan isteri meluangkan masa kira-kira 30 minit bersama Presiden Tanzania itu yang kini dalam rangka lawatan rasmi ke Malaysia selama tiga hari.

Perdana Menteri tiba di Carcosa Seri Negara kira-kira jam 11.40 pagi.

Sebelum itu, Presiden Tanzania diberi sambutan rasmi di Dataran Parlimen.

Presiden Mkapa turut diiringi pemangku Menteri Hal-Ehwal Luar dan Kerjasama Antarabangsa, Zakia Meghji; Menteri Kerajaan Tempatan, Ali Haji Ali dan Menteri Tenaga dan Galian, Abdallah Kigoda serta pegawai kanan kerajaan.

Sepanjang lawatannya, Presiden Mkapa dijadual menghadiri majlis jamuan negara dan mengadakan mesyuarat delegasi dengan Dr Mahathir yang bertumpu kepada isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

Beliau juga akan menghadiri taklimat di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (Porim).

Presiden Mkapa juga akan mengadakan pertemuan dengan ahli perniagaan Malaysia.

(END)